



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

BIO-PINTAR BERKEMBANG : PENGHANTARAN PERTAMA SAYURAN PENANAMAN LADANG TERTUTUP KE SINGAPURA SASAR NILAI TAHUNAN RM5 JUTA

CYBERJAYA, 1 NOVEMBER 2023 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengumumkan penghantaran pertama sayur-sayuran yang dihasilkan melalui ladang tertutup (*indoor farming*) di bawah program Bio-PINTAR ke Singapura. Ini menandakan pencapaian terkini Malaysia dalam memajukan inisiatif *Smart Indoor Farming* dengan menerapkan aplikasi bioteknologi moden dalam sektor pertanian sebagai satu penyelesaian keterjaminan makanan negara.

Program Bio-PINTAR dibiayai di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai peneraju program tersebut sejak 2022. Melalui program Bio-PINTAR, Bioeconomy Corporation telah bekerjasama dengan rakan kongsi strategik dan penyedia teknologi, iaitu MSD Innovation Sdn Bhd (MSDi), untuk membangunkan model SIF yang meningkatkan ketepatan, pengeluaran dan kemampunan pertanian.

Menteri MOSTI, YB Chang Lih Kang, berkongsi bahawa eksport pertama sayur-sayuran premium di bawah Bio-PINTAR untuk pasaran Singapura merupakan hasil daripada pepadanan strategik antara MSDi dengan Sustenir Agriculture (Malaysia) Sdn Bhd yang dijalinan oleh Bioeconomy Corporation. MSDi dan Sustenir adalah antara 115 buah syarikat di bawah program Bio-Based Accelerator (BBA). Bioeconomy Corporation membimbing dan menyokong kedua-dua syarikat BBA ini dalam menggunakan model SIF Bio-PINTAR untuk menghasilkan dan mempromosikan sayur-sayuran segar, berkualiti tinggi, dan bebas racun perosak yang tinggi dan diperkaya dengan nutrien seperti *Romaine, butterhead lettuce, kale*, dan makanan berkhasiat atau *superfood* yang lain.

“Pembekalan produk sayuran akan bermula hari ini dengan penghantaran 4,000 pokok sayuran dan jumlahnya akan dipertingkatkan selaras dengan persefahaman perniagaan di antara pihak MSD Innovation dan rakan kolaborasi pemasaran di Singapura, di mana sasaran kedua-dua belah pihak adalah untuk memenuhi permintaan sebanyak 60 tan yang bernilai RM5 juta setahun,” kata YB Chang Lih Kang semasa berucap pada majlis “flag-off” yang diadakan di ibu pejabat MSDi di sini hari ini. “Kejayaan ini dicapai melalui model SIF Bio-PINTAR yang inovatif, dengan menyepadukan bioteknologi, Internet of Things dan teknologi *cloud* dalam persekitaran terkawal. SIF menangani cabaran-cabaran utama dalam pertanian seperti ketidakpastian cuaca, tanah dan sumber biodiversiti yang terhad, serta penggunaan racun perosak. Pencapaian ini adalah bukti keupayaan Malaysia yang dapat merevolusikan pengeluaran pertanian dan komitmen tegas kami untuk memastikan keterjaminan makanan dalam peringkat tempatan dan antarabangsa.”

Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, En Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak berkata Bio-PINTAR menekankan kepentingan bekerjasama dengan pemain bioteknologi dalam sektor swasta untuk meningkatkan pengeluaran makanan, menggalakkan amalan pertanian mampan, serta melahirkan usahawan tani atau *agropreneur* yang lebih aktif di Malaysia. “Bioeconomy Corporation yakin bahawa Bio-PINTAR memberikan peluang terbaik untuk para agropreneur Malaysia menembusi pasaran global pertanian ladang tertutup yang bernilai 38 bilion dolar AS pada tahun 2022 dan dijangka meningkat kepada lebih daripada 55 bilion dolar AS menjelang tahun 2032. Bioeconomy Corporation berhasrat untuk menjalinkan kerjasama yang lebih erat dengan pelbagai pihak di bawah program Bio-PINTAR, terutamanya dengan syarikat bioteknologi berstatus BioNexus dan BBA yang boleh bertindak sebagai penyedia teknologi atau pembekal bahan mentah untuk program itu,” tambahnya.

Ketua Pegawai Eksekutif MSDi, En Mohd Tawfik Abdul Rahman berkata, “Saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak MOSTI, KPKM dan Bioeconomy Corporation di atas peluang untuk bekerjasama menerusi program Bio-PINTAR. MSD Innovation mendukung penuh hasrat Kerajaan untuk menjadikan pertanian pintar sebagai satu wadah untuk menyumbang ke arah agenda keterjaminan makanan. Sebagai penyedia teknologi tempatan, kami juga komited untuk membangunkan penyelesaian teknologi pintar berteraskan teknologi IR4.0, automasi pertanian serta mempergiat aktiviti R&D bagi mengurangkan kos operasi system penyeyjukan dan pencahayaan tanaman yang ditanggung oleh pengusaha pertanian pintar dalam bangunan.”

Bio-PINTAR merupakan sebahagian daripada projek R&D&C&I hasil kolaborasi bersama Bahagian Pemodenan Pertanian Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta disenaraikan dalam direktori teknologi pertanian pintar, DirektANI di laman web KPKM. Objektif Bio-PINTAR adalah untuk mempamerkan kejayaan pelaksanaan teknologi *Smart Indoor Farming* serta mewujudkan kesedaran di kalangan orang ramai untuk menggalakkan penggunaan teknologi, terutamanya oleh pemain industri dan individu dalam bidang berkaitan pertanian.

SIF mengeluarkan hasil pertanian berkualiti tinggi sepanjang tahun dengan memintas faktor luaran seperti turun naik cuaca dan kekurangan tanah. Bio-PINTAR adalah selaras dengan aspirasi Malaysia untuk mengubah sektor agromakanan menjadi lebih mampan, berdaya tahan, dan berteknologi tinggi, seperti yang digariskan dalam Dasar Bioteknologi Negara 2.0, Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030 dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

Program ini bertujuan untuk menarik minat generasi muda dan menggalakkan penglibatan mereka, terutamanya di kalangan mereka yang cenderung kepada teknologi, untuk menceburi bidang pertanian. Bio-PINTAR juga bertujuan untuk mewujudkan ekosistem yang menggalakkan pembangunan pertanian bandar secara pintar dengan mewujudkan program latihan, lawatan, pemasaran, logistik dan akses kepada platform dalam talian.

#TAMAT#

Diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

1 November 2023

Mengenai Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator (BBA) yang membantu syarikat-syarikat pemula, perniagaan mikro dan syarikat besar dalam sektor berasaskan bio untuk menerapkan sains, teknologi dan automasi dalam operasi perniagaan mereka, supaya mereka menjadi lebih inovatif dan celik teknologi. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Mengenai MSD Innovation

MSD Innovation ialah syarikat teknologi tempatan di bawah bimbingan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation), yang berfokus kepada penyelesaian pertanian pintar yang dipacu IoT. MSD menyumbang ke arah pembangunan teknologi pertanian pintar di Malaysia dan ini akan mengurangkan kos penggunaan teknologi dan membuka peluang kepada bakat tempatan. Dengan bimbingan daripada Bioeconomy Corporation melalui program BBA, MSD Innovation juga sedang mengusahakan inovasi baharu termasuk memperkenalkan kaedah penyejukan kos rendah untuk kawalan iklim bagi pertanian bandar secara pintar selain bekerjasama dengan universiti swasta tempatan untuk menghasilkan lampu tumbuh LED dengan penggunaan tenaga yang rendah.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff
Eksekutif,
Komunikasi Strategik
Malaysian Bioeconomy Development Corporation
Tel: +6012 690 6108
Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my